



Buletin ACIS

eISSN: 2600-8289

Jamadir Akhir/ Rejab 1439 — Mac / April 2018

Bil: 03 / 2018

<<Fokus Keluaran ini>>

“Amalan Sedekah dan Derma”

*“Dalil al-Quran dan Hadis
Berkaitannya”*

“Konsep Sedekah”

*“Golongan yang boleh diberi
sedekah”*

Slot Tahukah Anda ???

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof. Dr. Nasrudin Mohammed
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian Acis)

Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

Sidang Pengarang:

Mu'allim Mohd Bakri

PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1,
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan, Malaysia

Jika berminat untuk
menghantar sebarang artikel
atau komen, boleh email ke
buletin.acis.n9@gmail.com
muallim@ns.uitm.edu.my

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam
Sejahtera kepada pembaca budiman
sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS
siri kelapan atau siri ketiga yang
mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbit-
kan. Tajuk Fokus bulan ini adalah
"Amalan Sedekah dan Derma".
Semoga, buletin ACIS ini dapat mem-
beri manfaat kepada para pembaca
dan warga UiTM semua. Selamat
membaca.

Isi Kandungan

- ⇒ Amalan Sedekah dan Derma
(3)
- ⇒ Dalil al-Quran dan Hadis
Berkaitannya (4)
- ⇒ Konsep Sedekah (5)
- ⇒ Golongan yang boleh diberi
sedekah (6)
- ⇒ Lensa Program Agama Anjuran
UHEI (10)
- ⇒ Tahukah Anda (12)

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan
sebulan sekali

Amalan Sedekah dan Derma

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri
(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)



Pendahuluan

Bersedekah dan amalan derma merupakan satu perbuatan yang dipandang mulia di dalam agama Islam. Bersedekah juga merupakan amalan sunat yang dianjurkan dan digalakkan kepada umat Islam tidak kira status atau taraf hidup mereka. Malahan amalan yang mulia ini juga tidak hanya kepada orang-orang kaya, tetapi mereka yang berpendapatan rendah juga digalakkan melakukannya menurut kadar kemampuan masing-masing.

Sesungguhnya sedekah dan amalan derma atau membelanjakan harta pada jalan-jalan kebajikan dan kebaikan adalah untuk mendapat keredhaan Allah SWT dan mengumpul pahalaNya. Perkara ini telah jelas wujud di dalam beberapa firman Allah SWT dan hadis Rasulullah SAW. Di antara firman dan hadis berikut adalah :

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 272 yang bermaksud : *"Dan segala barang baik yang kamu belanjakan itu adalah untuk diri kamu sendiri, dan kamu membelanjakannya itu hanya untuk menempa keredhaan Allah, dan segala barang-barang baik yang kamu belanjakan itu akan dibalas kepada kamu, sedang kamu tiada akan dirugikan."*

Firman Allah SWT lagi dalam Surah al-Baqarah ayat 274 yang bermaksud: *"Orang-orang yang membelanjakan hartanya pada waktu malam dan siang, secara sembunyi-sembunyi mahupun terang-terangan, maka mereka akan memperoleh ganjaran dari Tuhan mereka, mereka tiada takut dan tiada pula berdukacita".*

Firman Allah SWT lagi dalam Surah al-Hadid ayat 7 yang bermaksud: *"Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan belanjakanlah dari apa harta yang kamu jadikan Allah mempusakainya. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu yang membelanjakan (hartanya di jalan ke-*

bajikan) akan memperoleh pahala yang besar."

Firman Allah SWT lagi dalam Surah al-Hadid ayat 11 yang bermaksud :*"Siapakah yang mahu memberi pinjaman kepada Allah dengan pinjaman yang baik, nescaya Allah akan membayar kembali dengan berlipat ganda, dan dia akan memperoleh pula pahala yang besar.*

Manakala antara contoh-contoh daripada hadis Nabi Muhammad SAW adalah :

((روي عن جابر بن عبد الله , رضي الله عنهما, قال : خطبنا رسول الله صلى الله عليه وسلم , فقال : (يا أيها الناس توبوا إلى الله قبل أن تموتوا , وبادروا بالأعمال الصالحة قبل أن تشغلوا , وصلوا الذي بينكم وبين ربكم بكثرة ذكركم له , وكثرة الصدقة في السر والعلانية : ترزقوا و تنصروا و تجبروا))

Maksudnya : Diriwatikan dari Jabir bin 'Abdullah RA katanya : Rasulullah SAW telah berucap kepada kami sabdanya : *"wahai umat manusia, bertaubatlah kepada Allah sebelum kamu mati, dan segeralah mengerjakan amal-amal yang soleh sebelum kamu sibuk (dengan perkara lain), dan hubungilah apa yang ada di antara kamu dengan tuhan kamu dengan sentiasa mengingatnya, dan banyakkannya ber-sedekah secara bersembunyi atau berterang-terangan nescaya kamu diberi rezeki yang mewah, di beri kemenangan (terhadap musuh) dan di gantikan apa yang kamu dermakan itu dengan balasan yang berganda.*

Sabda Rasulullah SAW lagi :

((من تصدق بعدل تمر من كسب طيب ولا يقبل الله إلا طيبا , فإن الله يأخذها بيمينه , فيرببها له كما يربي أحدكم فلوه حتى تكون مثل الجبل))

Maksudnya : *Sesiapa yang bersedekah seberat sebiji kurma dari rezeki yang baik (halal), sedang Allah SWT tidak menerima*

melainkan yang baik sahaja, maka sesungguhnya Allah akan menerima sedekah itu dengan penuh kemegahanNya, lalu Dia memeliharanya (menyimpannya) seperti seseorang kamu memelihara anak kuda yang baru beranak, sehingga akhirnya sedekah itu membesar seperti sebuah gunung.

Sabda Rasulullah SAW lagi :

((الصدقة تطفى الخطيئة , كما يطفى الماء النار))

Maksudnya : *Sedekah itu menghapuskan dosa, sebagaimana air memadamkan api .*

Sabda Rasulullah SAW lagi :

((من أطعم أخاه حتى يشبعه , و سقاه حتى يرويه , باعده الله من النار سبعة خنادق , ما بين كل خندقين خمسمائة عام))

Maksudnya : *Barangsiapa memberi makan saudaranya hingga kenyang lalu memberinya minum hingga hilang dahaganya, nescaya Allah akan menjauhkannya dari api neraka sejauh tujuh jurang, antara satu jurang dengan jurang yang lain perjalanan sejauh lima ratus tahun.*

Selain daripada hadis-hadis ini, banyak lagi riwayat-riwayat lain yang menceritakan perihal berkaitan kelebihan dan keistimewaan bagi orang yang melakukan amal kebajikan seperti bersedekah. Sebagaimana yang di ketahui, bahawasanya walaupun kebajikan yang dilakukan itu sedikit tetapi kebajikan yang sedikit itu akan di pandang tinggi oleh Allah SWT. Sekiranya yang kecil pun di pandang tinggi oleh Allah SWT, apatah lagi bagi amalan kebajikan yang lebih besar seperti bersedekah dengan wang yang beribu-ribu bahkan berjuta-juta ringgit Malaysia.

Namun begitu, ramai di kalangan masyarakat kita masih keliru apakah yang

di katakan dengan amalan bersedekah itu, apakah hukumnya, kepada siapakah yang lebih perlu di beri sedekah dan sebagainya perkara yang berkaitan dengan sedekah.



Konsep Sedekah Menurut Islam

Sedekah itu dari segi bahasanya berasal daripada perkataan bahasa arab iaitu al-Sadaqa "الصدق" yang memberi maksud benar dan lawan pada perkataan "الصدق" ini adalah "الكذب" yang memberi maksud tidak benar. Lantaran itu, apabila disebut perihal tentang keimanan mahupun keyakinan kepada janji Allah SWT, sudah tentu di sana perlu kepada pembuktian. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa sedekah itu sebagai pembuktian kepada kebenaran iman kita dengan mengeluarkan sebahagian daripada harta kita yang Allah SWT kurniakan.

Manakala dari sudut Istilah pula, sebagaimana yang termaktub dalam Ensiklopedia Islam memberi maksud *"suatu pemberian yang di berikan oleh seseorang muslim kepada orang lain secara spontan dan sukarela tanpa dibatasi oleh waktu dan jumlah tertentu sebagai kebajikan yang mengharapkan redha Allah SWT dan pahala semata-mata"*. Kamus Dewan Edisi ketiga pula memberi pentakrifan kepada sedekah ini sebagai *"pemberian kepada fakir miskin dan lain-lain (dengan ikhlas)"*. Begitu juga dengan penakrifan daripada al-Qamus al-Fikhi karangan Sa'akdi Abu Jaib yang menjelaskan bahawa sedekah memberi maksud *"apa-apa yang diberi dengan tujuan mengharapkan keredhaan Allah SWT"*. Dalam al-Qamus al-Fiqhi ini juga ada menyenaraikan penakrifan sedekah daripada pandangan para Ulama Fiqh.

Pada pandangan Ulama' al-Malikiah, al-Hanafiah, al-Shafie'ah, al-Hanabilah dan al-Ibadiyah menyatakan bahawa al-Sedekah itu memberi maksud *"pemberian yang menuntut pebalasan yang baik daripada Allah SWT"*. Bagi ulama' al-Ja'fariyyah pula memberi takrif *"ianya merupakan pemberian sukarela dengan di miliki tanpa ada penukaran"*.

Sekiranya diperhatikan berdasarkan takrif-takrif yang di jelaskan oleh beberapa



Qamus dan pendapat-pendapat para ulama' jelaslah menunjukkan bahawa sedekah ini merupakan satu amalan kebajikan yang diberikan secara sukarela kepada golongan yang memerlukan bantuan secara ikhlas tanpa mengharapkan pembalasan kecuali keredhaan daripada Allah SWT.

Allah SWT menetapkan bahawa hukum sedekah ini adalah sunat tak kira masa. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam al-Quran Surah al-Baqarah ayat 245 bermaksud: *"Sesiapa yang memberi pinjaman kepada Allah dengan pinjaman yang baik (menafkah hartanya di jalan Allah), maka Allah akan memperlipat gandakan pembayaran kepadanya dengan lipat ganda yang banyak"*.

Begitu juga dengan hadis-hadis Nabi Muhammad SAW banyak menerangkan mengenai galakan bersedekah. Kebanyakan hadis-hadis tersebut telah pun dijelaskan pada awal perbincangan tajuk ini. Sesungguhnya amalan bersedekah ini lebih digalakkan ketika tibanya bulan Ramadhan. Ini tidak beerti bersedekah di bulan-bulan lain sedikit pahalanya, sebab bersedekah itu pada dasarnya dianjurkan bila sahaja dan di mana sahaja. Cuma, bersedekah di bulan puasa di pandang memiliki nilai yang tinggi. Selain itu, bulan Ramadan juga adalah bulan yang memiliki keutamaan lebih banyak daripada bulan-bulan lain. Bukan sahaja bersedekah, bahkan amalan-amalan lain yang di lakukan pada bulan Ramadan adalah tinggi nilainya .

Namun begitu, menurut Imam al-Nawawi dalam kitabnya Raudhah al-Tholibin menjelaskan beberapa keadaan yang dianjurkan bersedekah sukarela ini. Antara keadaan-keadaan tersebut adalah ketika memerlukan pada perkara yang amat penting, ketika gerhana, sakit, musafir, di Makkah, di Madinah, di peperangan, ketika haji, 12 haribulan Zulhijjah dan hari-hari raya.



Selain sedekah ini disunatkan ketika dalam bulan Ramadhan, sedekah juga disunatkan bahkan diutamakan untuk diberikan kepada kaum kerabat yang memerlukan

bantuan . Allah SWT berfirman dalam surah al-Balad ayat 15 yang bermaksud: *“(kepada) anak yatim yang ada hubungan kerabat”*.

Begitu juga dengan sabda Rasulullah SAW :

((قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : (الصدقة على المسكين صدقة , و هي على ذي الرحم اثنتان : صدقة و صلة))

Maksudnya : Rasulullah SAW telah bersabda : Sedekah kepada orang miskin adalah sedekah, kepada kaum kerabat pula ada dua : sedekah dan hubungan kekeluargaan.

Imam Nawawi dalam kitabnya Raudhah al-Tholibin juga ada menyenaraikan golongan yang sebaiknya diutamakan di dalam pemberian harta sedekah sukarela ini. Beliau menjelaskan pengutamaan hendaklah dimulakan dengan kaum kerabat yang semahram seperti adik beradik lelaki dan perempuan, ayah dan mak saudara. Sebaik-baiknya diutamakan yang paling hampir. Kemudian kaum kerabat yang bukan semahram seperti anak-anak bapa saudara. Kemudian, semahram yang di sebabkan satu susuan. Kemudian, keluarga ipar dan seterusnya kepada jiran-jiran yang memerlukan. Namun begitu beliau juga menyatakan bahawa sekiranya saudara-mara tersebut berada di tempat yang jauh maka, utamakan jiran . Namun begitu, di dalam memberikan sedekah sukarela ini, adalah tidak di wajibkan kepada sesiapa sahaja. Tetapi ianya sunat sekiranya di dahului kepada golongan keluarga yang lebih memerlukan.

Tidak harus juga kepada sesiapa yang ingin bersedekah sukarela ini kecuali setelah dia menyempurnakan tanggung jawabnya terhadap nafkah pada diri

sendiri, nafkah tanggungannya dan bebas daripada segala hutang piutang . Rasulullah SAW bersabda :

((روى ابن الزبير رضى الله عنهما : أن النبي صلى الله عليه و سلم قال : خير الصدقة ما كان عن ظهر غنى , وليبدأ أحدكم بمن يعول))

Maksudnya : Di riwayatkan daripada Ibn al-Jabir RA : Sesungguhnya Nabi SAW berkata: *Sebaik-baik sedekah adalah daripada sesiapa yang jelas kekayaannya dan di mulai daripada orang yang berada di bawah tanggungannya.*

Sabda Rasulullah SAW lagi :

((وروى : أن رجلا قال : يا رسول الله , عندي دينار , قال : (أنفقه على نفسك) . قال : عندي آخر , قال : (أنفقه على زوجتك). قال : عندي آخر , قال : (أنفقه على ولدك), قال : عندي آخر , قال : (أنفقه على خادمك), فقال : عندي آخر , قال : (أنت أعلم به), وروى : (أنفقه في سبيل الله)

Maksudnya : Di riwayatkan : *Sesungguhnya seorang lelaki telah berkata kepada Rasulullah SAW : Wahai Rasulullah , aku mempunyai satu dinar, Berkata Rasulullah SAW : Belanjakanlah untuk dirimu. Berkata Lelaki tersebut lagi: Aku masih ada dinar lagi, Rasulullah menjawab : Belanjakan untuk isteri kamu. Berkata lelaki tersebut lagi : Aku masih ada dinar lagi, Rasulullah menjawab : Belanjakan untuk ibubapa kamu. Berkata lelaki tersebut lagi : Aku masih ada dinar lagi, Rasulullah menjawab : Belanjakan untuk khadam kamu. Berkata lelaki tersebut lagi : aku masih ada dinar, Rasulullah menjawab : Kamu tahu dengannya (buatlah apa-apa) . Ada riwayat mengatakan (Belanjakanlah ke jalan Allah SWT).*

Kedua-dua hadis di atas begitu jelas menyatakan bahawa seseorang yang ingin melakukan amalan sunat bersedekah, hendaklah dia sudah melaksanakan segala tanggungjawabnya terhadap keluarga dan segala hutang piutang yang ada. Namun begitu, al-Doktor Wahbah al-Zuhaili dalam

kitabnya al-Fiqh al-Islam wa Adillatuhu dalam jilid yang ketiga ada menyenaraikan golongan orang yang disunatkan diberi sedekah.

- Golongan pertama adalah seperti yang dinyatakan sebelum ini, iaitu kaum kerabat dan diikuti oleh jiran tetangga.

- Golongan kedua pula adalah golongan mereka yang sememangnya memerlukan bantuan. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Balad ayat 90 yang bermaksud: *“atau orang yang miskin yang sangat miskin”.*

- Golongan ketiga pula adalah orang kaya, al-Hashimi, Kafir dan Fasiq.

Sesungguhnya halal bersedekah kepada golongan orang kaya walaupun daripada kaum kerabat. ((Sebagaimana di riwayatkan oleh al-Shafie dan al-Baihaqi bahawa telah berkata Jaa'far bin Muhammad mengenai ayahnya : Sesungguhnya dia telah meminum daripada tempat minum di antara Makkah dan Madinah, maka aku berkata padanya : Adakah kamu meminum daripada Sedekah? Maka berkatalah ayahnya : Sesungguhnya diharamkan Allah ke atas kami adalah sedekah yang wajib))). Perkara ini juga telah diperkuat lagi oleh baginda Rasulullah SAW dalam hadisnya yang diriwayatkan oleh Abi Hurairah mengenai sedekah seorang lelaki kepada pencuri, penzina dan orang kaya. Rasulullah bersabda :

((أما صدقتك على سارق فلعنه أن يستعف عن سرقة , و أما الزانية فلعنها تستعف عن زناها , و أما الغني فلعنها يعتبر , و ينفق مما آتاه الله تعالى))

Maksudnya : *Apa yang kamu sedekahkan pada si pencuri moga-moga dia memohon maaf daripada pencuriannya, manakala sedekah kamu pada si penzina moga-moga memohon maafkan daripada zinanya. Dan manakala sedekah kamu pada orang kaya adalah untuk menjadi iktibar kepadanya agar bersedekah daripada apa yang diberikan*

oleh Allah SWT.

Manakala, sedekah kepada kaum kerabat al-Hashimi adalah seperti yang di ketahui bahawa sesungguhnya ramai pendapat umala' yang mengatakan harus memberi zakat kepadanya kecuali Nabi Muhammad SAW sebagai memuliakan baginda. Sekiranya pemberian zakat adalah harus apatah lagi pemberian sedekah sukarela. Begitu juga dengan orang fasiq, Kafir samada yahudi, nasrani atau pun majusi samada zimmi ataupun harbi adalah di-bolehkan juga diberi sedekah sukarela. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Insan ayat 8 yang bermaksud: *"Dan mereka memberikan makanan yang disukai kepada orang miskin, anak yatim dan orang yang ditawan"*.

Perkataan (Asir) atau maksudnya di tawan adalah orang kafir harbi.

- Begitu juga sedekah keatas simati ataupun orang yang telah meninggal dunia. Kita boleh memberi sedekah yang manfaat seperti mendoakannya seperti :

((اللهم اغفر له)) ((اللهم ارحمه))

Janganlah bersedekah dengan amalan badaniah seperti menghadihkan pahala solat dan puasa. Namun begitu bacaan al-Quran seperti al-Fatihah, Imam Malik dan Imam al-Shafie menjelaskan tidak dapat dimanfaatkan, tetapi ramai daripada kalangan ulama' lain menyatakan bacaan tersebut dapat memberi manfaat kepada si mati.

Berdasarkan daripada senarai golongan-golongan yang boleh menerima sedekah di atas jelaslah menunjukkan kepada kita bahawa boleh memberi sedekah kepada sesiapa sahaja termasuk kepada orang kafir dan orang yang telah meninggal dunia. Bahkan, pemberian sedekah ini bukanlah hanya terhenti kepada harta benda sahaja. Doa dan

bacaan al-Quran seperti al-Fatihah juga boleh menjadi sedekah. Selain itu juga, di dapati sedekah itu juga tidak bermaksud pemberian wang dan barangan sahaja, tetapi termasuk juga di dalamnya pemberian tenaga. Pemberian tenaga ini termasuk juga dengan memberi nasihat yang berguna dan tidak melukakan hati orang lain.

Mengenai kriteria barang yang lebih utama disedekahkan, para fukaha' berpendapat bahawa barang yang disedekahkan itu sebaiknya barang yang berkualiti baik dan di sukai pemiliknya . Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran ayat 92 yang bermaksud: *"Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa sahaja yang kamu nafkahkan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya"*.



Ini menjelaskan bahawa al-Quran sentiasa mendidik manusia supaya menyumbang atau bersedekah dengan apa yang kita sayang untuk mencapai darjat kebaikan. Lantaran itu, apabila bersedekah dengan benda yang tidak kita sayangi atau tidak perlukan lagi, ini sudah bercanggah dengan kehendak dan suruhan Allah kepada kita untuk bersedekah.

Berkenaan dengan cara yang terbaik untuk

memberi sedekah, Cara pemberian secara sembunyi-sembunyi adalah lebih baik daripada secara terang-terang ataupun menunjuk-nunjuk . Ini bersesuaian dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 271 yang bermaksud: *“Jika kamu menampakkan sedekahmu, maka itu adalah baik sekali. Dan jika kamu menyembunyikannya dan kamu berikan kepada orang-orang fakir, maka menyembunyikan itu lebih baik bagimu. Dan Allah akan menghapuskan dari kamu sebagian kesalahan-kesalahanmu dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan”*.

Manakala Sabda Rasulullah pula :

((وروى أبو هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه قال : (سبعة يظلهم الله في ظل عرشه يوم لا ظل إلا ظله) و ذكر منهم رجلا تصدق بصدقة فأخفاها حتى لا تعلم شماله ما تنفق يمينه))

Maksudnya : Di riwayatkan oleh Abi Hurairah daripada Nabi SAW sesungguhnya berkata : *tujuh golongan yang mendapat naungan Arash pada hari yang tidak ada naungan kecuali naunganNya. Dan di sebut di sini antaranya seorang lelaki yang bersedekah dengang sedekah dan menyembunyikan pemberiannya sehingga tidak diketahui tangan kirinya.*

Sesungguhnya sedekah secara sembunyi atau rahsia ini, lebih diutamakan ialah kerana sedekah dengan cara ini lebih menampakkan keikhlasan. Perkara ini juga, penting agar tidak wujud perasaan riak dalam diri penderma. Oleh yang demikian, berwaspadalah agar sedekah yang diberi tidak bercampur dengan perasaan riak. Selain itu, janganlah sampai menyakiti hati si fakir miskin dengan sedekah yang diberi.

Kesimpulan

Kesimpulannya, daripada keseluruhan konsep sedekah menurut Islam ini, jelaslah menunjukkan bahawa sedekah ini dapat membina akhlak manusia. Ini bukan sekadar kepada mereka yang memberi sedekah, bahkan kepada mereka yang menerima sedekah juga akan mendapat tempias perubahan daripada segi akhlak dan jiwa. Lantaran itu, amalan sedekah ini hendaklah datang daripada hati yang mulia dan ikhlas.

Rujukan

Azim abadi, al-, 'Alamah Abi al-Toyyib Muhammad Shams al-Haq al-'Azim Abadi (2001), 'Aun al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Daud, al-Kaherah, Dar al-Hadis, jilid 3

'Ahmad bin cAli bin Hajr al- cAsqalani (2000), Fath al -Bari Sharh Sahih al-Bukhari, 18 j. c. 3. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al- cIlmiyyah.

Ensiklopedi Islam (1999), Jakarta, PT Ichtiar Baru Van Hoeve, Jilid 4

Hj. A. Aziz bin Deraman (2002), Kamus Dewan Edisi Ketiga, c. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Ibn al-Qudamah (1996), al-Mughni, al-Kaherah, Dar al-Hadis, jilid 4

Ibn Abi al-Khair al-'Umrani (2002), al-Bayan fi Fiqh al -Imam al-Shafie, Beirut Lubnan, Dar al-Kutub al-'Ilmiah

Imam Habib 'Abdulullah Haddad (terj. Oleh Syed Ahmad Semait) (1998), Nasihat Agama Dan Wasiat Iman, Singapura, Pustaka National PTE LTD

Imam Abi Zakaria Yahya Bin Syarfi al-Nawawi al-Dimashki, Raudah al-Tholibin, Beirut, Lubnan, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, jilid 2

Sheikh 'Abdullah Basmi (1985), Panduan Rasulullah SAW mengenai zakat sedeqah dan khairat, Kuala Lumpur, Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri

Sheikh cAbdu'Llah Basmeih (1985), Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran, Kuala Lumpur: Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri

Wahbah al-Zuhayli (Prof.) (Dr.) (2002), al-Fiqh al -'Islami wa 'Adillatuhu, 11 j. c. 4. Birut: Dar al-Fikr

Lensa Sekitar Program-Program Agama Anjuran UHEI UiTM Kampus Seremban

Oleh :
Sumber daripada Facebook
UHEI UiTM Kampus Seremban



Kursus Pengurusan Jenazah
29 Mac 2018



Program Tahsin Surah al-Fatihah
16 Mac 2018





**Bengkel Intensif Tilawah al-Quran
Peringkat N. Sembilan
15 Mac 2018**

**Kuliah Maghrib Tafsir Al Quran oleh
Ust Mohd Izwan Shuib, Eksekutif
Masjid Rasah Jaya
20 Mac 2018**



Tahukah Anda ??

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri
(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)

Hanya 4 kali nama Muhammad dan sekali nama Ahmad terdapat di dalam kalam Allah, bukti al-Quran sumber yang tidak diragui dan bukan kalam Rasulullah SAW.

MUHAMMAD:

Firman Allah Taala dalam Surah ali-'Imran ayat 144 yang bermaksud: "Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul, sungguh telah berlalu sebelumnya beberapa orang rasul. Apakah jika dia wafat atau dibunuh kamu berbalik ke belakang (murtad)?". Barangsiapa yang berbalik ke belakang, maka ia tidak dapat mendatangkan mudharat kepada Allah sedikit pun, dan Allah akan memberi balasan kepada orang-orang yang bersyukur.

Firman Allah Taala dalam Surah al-Ahzab ayat 40 yang bermaksud: "Muhammad itu sekali-kali bukanlah bapa dari seorang lelaki di antara kamu, tetapi dia adalah rasulullah dan penutup nabi-nabi. Dan adalah Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.

Firman Allah Taala dalam Surah Muhammad ayat 2 yang bermaksud: "Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal yang soleh serta beriman pula kepada apa yang diturunkan kepada Muhammad dan itulah yang hak dari tuhan mereka, Allah menghapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan memperbaiki keadaan mereka

Firman Allah Taala dalam Surah al-Fath Ayat 29 yang bermaksud: Muhammad itu adalah utusan Allah dan orang-orang yang bersama dengan dia adalah keras terhadap orang-orang kafir, tetapi berkasih sayang sesama mereka. Kamu lihat mereka rukuk dan sujud mencari kurnia Allah dan keredhaanNya, tanda-tanda mereka tampak pada muka mereka dari bekas sujud

AHMAD

Firman Allah Taala dalam Surah as-Soff ayat 6 yang bermaksud: Dan ingatlah ketika Isa putera Mariam berkata: "Hai bani Israel, sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepadamu, membenarkan kitab (yang turun) sebelumku, iaitu Taurat dan memberi khabar gembira dengan datangnya seorang rasul yang akan sesudahku, yang Namanya Ahmad (Muhammad)". Maka tatkala rasul itu datang kepada mereka dengan membawa bukti-bukti yang nyata, mereka berkata: "ini adalah sihir yang nyata".